

18 DEC 1996

PM SAKSI MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN ANTARA AIROD DAN SHINMAYWA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Airod Sdn Berhad dan Shinmaywa Industries Ltd dari Jepun di Carcosa Seri Negara di sini.

Perjanjian itu merangkumi hasrat kedua-dua syarikat untuk bekerjasama dalam memasang komponen dan bahagian pesawat, khususnya untuk pesawat Boeing 777.

Ia juga membolehkan Airod untuk membabitkan diri dalam kerja-kerja pemasangan komponen dan bahagian pesawat bagi semua model pesawat Boeing, McDonnell Douglas dan Gulfstream.

Presiden Airod Datuk Ahmad Johan menandatangani perjanjian itu bagi pihak syarikatnya manakala Shinmaywa diwakili pengarah bagi bahagian pesawat, Takaoki Kiho.

Dr Mahathir mengunjungi kilang Shinmaywa semasa beliau melawat Jepun Mei lepas. -- BERNAMA

ES SN AKD